



PANDUAN MENGISI BORANG CADANGAN PEMBANGUNAN NOSS

**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
MANUSIA**

PANDUAN AM MENGISI BORANG CADANGAN PEMBANGUNAN NOSS

1. Pengenalan

Borang Cadangan Pembangunan NOSS adalah borang yang digunakan oleh wakil industri/persatuan industri dan agensi kerajaan untuk mencadangkan kepada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) bagi keperluan pembangunan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) atau *National Occupational Skills Standard* (NOSS) dalam sesuatu tajuk /bidang pekerjaan.

2. Objektif

Borang Cadangan Pembangunan NOSS disediakan untuk:

- i. memudah dan mempercepatkan penyampaian cadangan daripada wakil industri/persatuan industri dan agensi kerajaan; dan
- ii. memudahkan pengumpulan maklumat berkaitan keperluan pembangunan NOSS.

3. Panduan Am Mengisi Borang Cadangan Pembangunan NOSS

- i. Borang Cadangan Pembangunan NOSS dan Panduan Mengisi Borang Cadangan Pembangunan NOSS boleh diperolehi dan dimuat turun dari laman web rasmi JPK:
<http://www.dsdl.gov.my>,
- ii. Borang yang telah lengkap hendaklah dikemukakan bersama surat rasmi kepada:
Ketua Pengarah,
Jabatan Pembangunan Kemahiran,
Aras 7&8, Blok D4, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62530 Putrajaya

PANDUAN KHUSUS MENGISI BORANG CADANGAN PEMBANGUNAN NOSS

Borang cadangan NOSS terdiri daripada 5 bahagian iaitu:-

- i. Bahagian A - Maklumat Pencadang
- ii. Bahagian B - Maklumat NOSS Yang Dicadangkan
- iii. Bahagian C - Maklumat Industri
- iv. Bahagian D - Pengakuan
- v. Bahagian E - Untuk Kegunaan Pejabat

4.1 Kategori Cadangan

Sila tandakan pada petak berkenaan samada cadangan yang dibuat adalah NOSS baru atau NOSS kaji semula. Sila rujuk laman web <http://www.dsdl.gov.my> untuk semakan daftar NOSS terkini.

4.2 Bahagian A - Maklumat Pencadang

Sila isikan maklumat am pencadang.

Bil.	Perkara	Keterangan
1	Nama	Sila isikan nama penuh pencadang NOSS dengan jelas seperti kad pengenalan atau pasport.
2	No. K/P / No. Pasport	Sila isikan nombor kad pengenalan (bagi warganegara) atau nombor pasport (bukan warganegara) pencadang NOSS.
3	Warganegara	Sila isikan kewarganegaraan pencadang.
4	Nama syarikat/agensi	Sila isikan nama syarikat/ agensi yang diwakili oleh pencadang seperti yang didaftarkan dengan suruhanjaya / pendaftar berkaitan.
5	Alamat syarikat/agensi	Sila isikan alamat syarikat/ agensi yang sama didaftarkan dengan suruhanjaya / pendaftar berkaitan.
6	Alamat surat- menyurat	Sila isikan alamat surat-menysurat pencadang.
7	No. telefon - Pejabat - Faks - telefon mudah alih	Sila isikan nombor telefon pejabat, faks dan telefon mudah alih, di mana pencadang boleh dihubungi.
8	Laman web	Sila isikan alamat laman web industri/persatuan industri atau agensi kerajaan pencadang.
9	E- mel	Sila isikan alamat e-mel pencadang.

4.3 Bahagian B - Maklumat NOSS Yang Dicadangkan

Sila isikan maklumat berkaitan NOSS yang dicadangkan.

Bil.	Perkara	Keterangan
1	Sektor/ Sub-Sektor/ Bidang Pekerjaan	<p>Sila masukkan sektor/ sub-sektor/ bidang pekerjaan NOSS yang dicadangkan. Contoh:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sektor: Elektrik dan Elektronik, Telekomunikasi dan Penyiaran • Sub- sektor: Elektrik • Bidang Pekerjaan: Juruelektrik
2	Tajuk Pekerjaan	<p>Sila masukkan tajuk pekerjaan untuk NOSS yang dicadangkan. Contoh:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Juruteknik Elektrik Rendah • Juruteknik Elektrik • Juruteknik Elektrik Kanan • Pembantu Jurutera Elektrik • Jurutera Elektrik
3	Justifikasi	<p>Sila beri justifikasi / sebab / kenapa NOSS tersebut perlu dibangunkan berasaskan analisis keperluan industri dan dasar-dasar kerajaan (Rancangan Malaysia, RRJP, IMP dan lain-lain) berserta dokumen sokongan. Contoh dokumen sokongan yang diperlukan adalah seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> • Laluan kerjaya bagi tajuk pekerjaan yang dicadangkan • Bukti sokongan keperluan industri • Peruntukan Pembangunan NOSS (jika ada) • Cadangan tajuk pekerjaan baru atau tugas baru untuk NOSS kajisemula • Dokumen berkaitan: standard/ Manual / sukatan latihan dll. (jika ada) • Lain-lain dokumen <p>Sila tandakan ✓ bagi dokumen yang disertakan.</p>

4.4 Bahagian C – Cadangan Industri/ Syarikat/ Pakar Industri

Sila isikan maklumat cadangan pakar industri bagi NOSS yang dicadangkan.

Bil.	Perkara	Keterangan
1	Nama syarikat / agensi berkaitan industri	Sila masukkan nama syarikat dan agensi kerajaan yang bertanggungjawab dan terbabit dalam industri berkaitan.
2	Nama pengamal / pakar	Sila nyatakan nama pengamal atau pakar yang berkaitan dengan syarikat dan agensi kerajaan yang boleh dihubungi.
3	Jawatan / peranan	Sila nyatakan jawatan pengamal atau pakar yang telah disenaraikan.
4	No. tel	Sila nyatakan nombor telefon pengamal atau pakar yang telah disenaraikan.

4.5 Bahagian D - Pengakuan

Sila tandatangan di ruangan yang disediakan setelah membaca dan memahami perkara-perkara yang dinyatakan.